



TALKING CIRCLE: BRIEFING ON EAGLES PROGRAMME

5 JULY 2018

DISEDIAKAN OLEH:
SITI NUR DINA MOHD ALI



Pada 5 Julai 2018, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kuala Pilah telah mengadakan sebuah taklimat berkenaan program anjuran kelab EAGLES. Taklimat ini diadakan bagi memberi maklumat baharu berkenaan kelab EAGLES secara lebih khusus.

Seramai 11 orang peserta telah menghadiri bengkel selama 1 jam yang bermula pada pukul 12.00 tengahari hingga 1.00 petang. Bengkel ini disampaikan oleh Dr. Alice Shanthi dan diadakan di Bilik Rehat Pensyarah, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi maklumat berkenaan latar belakang program yang dianjurkan kelab EAGLES. Selain itu, bengkel ini turut menyampaikan maklumat mengenai senarai program yang dianjurkan kelab EAGLES.

Secara keseluruhan, para peserta memberi reaksi positif berkenaan bengkel tersebut berdasarkan laporan penilaian yang diberikan. Bengkel ini diharapkan dapat memberi input baharu kepada para peserta berkaitan kelab EAGLES dan senarai aktiviti yang dapat membangunkan penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar.